



JABATAN PERKHIDMATAN
PERBANDARAN
(BAHAGIAN PELESENAN)
MAJLIS
PERBANDARAN TEMERLOH
KOMPLEKS PEJABAT
PLAZA TEMERLOH
JALAN AHMAD SHAH
28000 TEMERLOH
PAHANG DARUL MAKMUR
09-290 1540 / 1541 /
1551 / 1552



GARIS PANDUAN PERMOHONAN PERMIT PERNIAGAAN SEMENTARA

TARIKH KUARKUASA GARIS PANDUAN :
01 JANUARI 2022

1. OBJEKTIF PELESENAN & KELAYAKAN PERMOHONAN

1.1 Objektif

Memastikan semua aktiviti perniagaan di dalam kawasan Majlis Perbandaran Temerloh mempunyai Lesen dan Permit yang sah.

1.2 Kelayakan Permohonan

1.2.1 Permohonan Permit Perniagaan Sementara hanya dikeluarkan kepada Warganegara Malaysia.

1.2.2 Pemohon berumur 18 tahun ke atas sahaja.

1.2.3 Peniaga yang berniaga makanan / minuman wajib mendapatkan suntikan pelalian terhadap demam kepialu (***Typhoid Fever***). Pemegang permit bertanggungjawab memastikan pekerja-pekerja yang terlibat dalam pengendalian makanan juga menjalani pemeriksaan perubatan dan mengambil vaksinasi terhadap demam kepialu daripada klinik kerajaan atau klinik swasta yang diiktiraf oleh PBT.

2. SKOP

2.1 Garis Panduan ini menerangkan mengenai tatacara permohonan Permit Perniagaan Sementara bagi aktiviti perniagaan / penganjuran / jualan / promosi yang dijalankan di sesuatu lokasi dalam tempoh masa yang terhad.

2.2 Aktiviti perniagaan yang melibatkan Permit Perniagaan Sementara adalah seperti berikut :

BIL	KATEGORI PERMIT	JENIS JUALAN
1.	Permit Penganjur (Jualan Gudang / Ekspo / Karnival / Promosi/ Bazar Perayaan/ Uptown)	<ul style="list-style-type: none">• Kenderaan• Perabut• Pakaian / Aksesori• Tanaman dan Barangan Pertanian• Makanan / Minuman• Buku dan Alat Bacaan
2.	Permit Jualan Sementara Buah Bermusim	Buah-buahan tempatan yang bermusim : <ul style="list-style-type: none">• Durian• Cempedak• Manggis / Mesta• Dokong / Langsung dan lain-lain
3.	Permit Jualan Sementara Pelbagai	<ul style="list-style-type: none">• Kempen / Promosi• Kenderaan• Perabut• Pakaian / Aksesori• Tanaman dan Barangan Pertanian• Peralatan Komunikasi / Elektronik• Buku-buku / Kitab

BIL	KATEGORI PERMIT	JENIS JUALAN
4.	Permit Penjaja Sementara Makanan dan Minuman	<ul style="list-style-type: none"> • Makanan dan Minuman sahaja
5.	Permit <i>Food Truck</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Makanan dan Minuman sahaja
6.	Permit Kaki Lima	<ul style="list-style-type: none"> • Barangan jualan Premis Perniagaan tersebut, tertakluk kepada kelulusan.
7.	Permit Meja	<ul style="list-style-type: none"> • Meja untuk aktiviti <i>dine in</i> sahaja di luar Restoran / Kafe / Kedai Makan.

3. BILA PERLU DIMOHON :

BIL	KATEGORI PERMIT	TEMPOH PERMOHONAN
1.	Permit Penganjur (Jualan Gudang / Ekspo / Karnival / Promosi/ Bazar Perayaan/ Uptown)	<ul style="list-style-type: none">• 30 hari sebelum aktiviti perniagaan bermula
2.	Permit Jualan Sementara Buah Bermusim	<ul style="list-style-type: none">• Lulus serta merta bergantung kepada lokasi yang dipohon
3.	Permit Jualan Sementara Pelbagai	<ul style="list-style-type: none">• Lulus serta merta bergantung kepada lokasi yang dipohon
4.	Permit Penjaja Sementara Makanan dan Minuman	<ul style="list-style-type: none">• Lulus serta merta bergantung kepada lokasi yang dipohon
5.	Permit <i>Food Truck</i>	<ul style="list-style-type: none">• 30 hari sebelum aktiviti perniagaan bermula
6.	Permit Kaki Lima	<ul style="list-style-type: none">• Lulus serta merta tertakluk kepada kelulusan
7.	Permit Meja	<ul style="list-style-type: none">• Lulus serta merta tertakluk kepada kelulusan

4. PUNCA KUASA

- a) Akta Kerajaan Tempatan 1976
- b) Undang-Undang Kecil Penjaja (MPT) 2000
- c) Undang-Undang Kecil Kawalan & Penyeliaan Tempat Makan (MPT) 1986
- d) Undang-Undang Kecil Pengendalian Makanan (MPT) 1984
- e) Enakmen Hiburan Pahang 1993
- f) Enakmen Hiburan (pindaan) 2006

5. SYARAT & DOKUMEN ASAS SEBELUM PERMOHONAN

- 5.1 Perlu melengkapkan Borang Permohonan Permit Perniagaan Sementara Majlis Perbandaran Temerloh di kaunter Bahagian Pelesenan atau boleh didapati dengan memuat turun dari laman web : www.mpt.gov.my
- 5.2 Berikut adalah syarat-syarat yang perlu dipenuhi oleh pengusaha perniagaan sebelum membuat permohonan permit :

BIL	KATEGORI PERMIT	SYARAT SEBELUM PERMOHONAN
1.	Permit Penganjur (Jualan Gudang / Ekspo / Karnival / Promosi/ Bazar Perayaan/ Uptown)	<ul style="list-style-type: none">• Hendaklah mengemukakan permohonan selewat-lewatnya 30 hari bekerja sebelum aktiviti dijalankan.• Mengemukakan profil syarikat dan kertas kerja aktiviti yang akan dilaksanakan.• Mendapat surat kebenaran/ kelulusan penggunaan lokasi/ lokasi aktiviti daripada pemilik/ pemunya tapak.• Perlu memohon Lesen/ Permit Hiburan jika ianya melibatkan sebarang aktiviti hiburan (konsert/ persembahan pentas dll) sepertimana yang diperuntuk dibawah Enakmen Hiburan Negeri.

BIL	KATEGORI PERMIT	SYARAT SEBELUM PERMOHONAN
2.	Permit Jualan Sementara Buah Bermusim	<ul style="list-style-type: none"> • Gambar lokasi tapak perniagaan • Salinan Kad Pengenalan • Surat Kebenaran Pemilik / pemunya tapak / pemunya tanah
3.	Permit Jualan Sementara Pelbagai	<ul style="list-style-type: none"> • Gambar lokasi tapak perniagaan • Salinan Kad Pengenalan • Surat Kebenaran Pemilik / pemunya tapak / pemunya tanah
4.	Permit Penjaja Sementara Makanan dan Minuman	<ul style="list-style-type: none"> • Gambar lokasi tapak perniagaan • Salinan Kad Pengenalan • Surat Kebenaran pemilik / pemunya tapak / pemunya tanah • Kad Pengendali Makanan / Kad Kesihatan (Peniaga dan Pekerja)
5.	Permit <i>Food Truck</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Gambar lokasi tapak perniagaan • Salinan Kad Pengenalan • Surat Kebenaran pemilik / pemunya tapak / pemunya tanah • Kad Pengendali Makanan / Kad Kesihatan (Peniaga dan Pekerja) (sekiranya berkaitan) • Geran Kenderaan / Lesen Memandu

BIL	KATEGORI PERMIT	SYARAT SEBELUM PERMOHONAN
6.	Permit Kaki Lima	<ul style="list-style-type: none"> • Pemilik Premis Perniagaan yang mempunyai Lesen Premis Perniagaan daripada MPT sahaja yang dibenarkan menggunakan ruang kaki lima di hadapan premis tersebut mengikut syarat-syarat tertentu yang akan diberikan semasa memohon permit berkaitan. • Barang jualan yang diletakkan di ruang kaki lima adalah yang sama seperti mana kelulusan yang diberi. • Salinan Lesen Perniagaan yang belum tamat tempoh.
7.	Permit Meja	<ul style="list-style-type: none"> • Hanya pemegang lesen premis perniagaan yang menjalankan aktiviti perniagaan makanan sahaja yang dibenarkan untuk memohon permit ini. • Salinan Lesen Perniagaan yang belum tamat tempoh.


6. KAEDAH PERMOHONAN & CARTA ALIR

6.1 – Kaedah permohonan :


ATAS TALIAN	Belum diaktifkan
MANUAL	<p>Kaunter Bahagian Pelesenan Majlis Perbandaran Temerloh</p> <p>Waktu Operasi Kaunter : Isnin – Khamis</p> <ul style="list-style-type: none">➤ 09.00 Pagi – 04.30 Petang <p>Jumaat</p> <ul style="list-style-type: none">➤ 09.00 Pagi – 12.15 tengah hari➤ 02.45 Petang – 04.30 Petang <p>No. Telefon : 09-2901540 / 1551 /1552</p>

6.2 – Carta Alir

**CARTA ALIR PERMOHONAN PERMIT PERNIAGAAN SEMENTARA
(BUAH BERMUSIM / PELBAGAI /
PENJAJA SEMENTARA (MAKANAN DAN MINUMAN) /
FOOD TRUCK / KAKI LIMA/ MEJA)**



**CARTA ALIR PERMOHONAN PERMIT PERNIAGAAN SEMENTARA
(JUALAN GUDANG / EKSPLO / KARNIVAL / PROMOSI/ BAZAR PERAYAAN/ UPTOWN)**



7. SYARAT SELEPAS PERMOHONAN

BIL	KATEGORI PERMIT	SYARAT SELEPAS PERMOHONAN
1.	Permit Penganjur (Jualan Gudang / Ekspo / Karnival / Promosi/ Bazar Perayaan/ Uptown)	<ul style="list-style-type: none">• Menjalankan aktiviti berkaitan pada tarikh dan tempoh masa yang dibenarkan sahaja.• Tidak menghalang lalu lintas dan memastikan ada kawalan yang secukupnya untuk mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini.• Meletakkan papan tanda lalu lintas secukupnya seperti lencongan, tanda awas dan juga kon keselamatan serta lampu amaran pada waktu malam dan sebagainya.• Tidak dibenarkan menjalankan sebarang kerja-kerja pengorekan jalan/ kerosakan.• Pemegang Permit bertanggungjawab ke atas kebersihan tapak perniagaan, jalan/taman dan ketenteraman sekeliling dan atas apa-apa kemalangan yang mungkin akan berlaku. Memastikan pengurusan sampah-sarap/ sisa buangan yang terhasil daripada aktiviti yang dijalankan diuruskan mengikut keperluan dan syarat yang dikenakan.• Pemohon DILARANG menjalankan aktiviti yang mencemarkan alam sekitar dan mendatangkan kacau ganggu kepada masyarakat setempat.• Perlu memohon Lesen/ Permit Hiburan jika ianya melibatkan sebarang aktiviti hiburan (konsert/ persembahan pentas dll) sepertimana yang diperuntuk dibawah Enakmen Hiburan negeri.

BIL	KATEGORI PERMIT	SYARAT SELEPAS PERMOHONAN
2.	Permit Jualan Sementara Buah Bermusim	<ul style="list-style-type: none"> • TIDAK boleh berniaga dengan cara yang boleh menghalang atau mengganggu lalulintas. • TIDAK membuat sebarang binaan sementara/ kekal di tapak/ lokasi perniagaan yang diluluskan kecuali mendapat kebenaran PBT. • TIDAK dibenarkan meninggalkan apa-apa barangan jualan dan peralatan yang digunakan di tapak/ lokasi perniagaan kecuali mendapat kebenaran PBT. • Permit tidak boleh dipinda, dipajak, disewa atau dijual kepada orang lain. Sebarang pindaan hendaklah mendapat kebenaran daripada PBT.
3.	Permit Jualan Sementara Pelbagai	<ul style="list-style-type: none"> • TIDAK boleh berniaga dengan cara yang boleh menghalang atau mengganggu lalulintas. • TIDAK membuat sebarang binaan sementara/ kekal di tapak/ lokasi perniagaan yang diluluskan kecuali mendapat kebenaran PBT. • TIDAK dibenarkan meninggalkan apa-apa barangan jualan dan peralatan yang digunakan di tapak/ lokasi perniagaan kecuali mendapat kebenaran PBT. • Permit tidak boleh dipinda, dipajak, disewa atau dijual kepada orang lain. Sebarang pindaan hendaklah mendapat kebenaran daripada PBT.

BIL	KATEGORI PERMIT	SYARAT SELEPAS PERMOHONAN
4.	Permit Penjaja Sementara Makanan dan Minuman	<ul style="list-style-type: none"> • TIDAK boleh berniaga dengan cara yang boleh menghalang atau mengganggu lalulintas. • TIDAK membuat sebarang binaan sementara/ kekal di tapak/ lokasi perniagaan yang diluluskan kecuali mendapat kebenaran PBT. • TIDAK dibenarkan meninggalkan apa-apa barangan jualan dan peralatan yang digunakan di tapak/ lokasi perniagaan kecuali mendapat kebenaran PBT. • Permit tidak boleh dipinda, dipajak, disewa atau dijual kepada orang lain. Sebarang pindaan hendaklah mendapat kebenaran daripada PBT.
5.	Permit <i>Food Truck</i>	<ul style="list-style-type: none"> • TIDAK boleh berniaga dengan cara yang boleh menghalang atau mengganggu lalulintas. • TIDAK dibenarkan meninggalkan kenderaan di tapak/ lokasi perniagaan selepas aktiviti perniagaan tamat.
6.	Permit Kaki Lima	<ul style="list-style-type: none"> • Hanya pemilik premis perniagaan yang mempunyai Lesen Premis Perniagaan daripada PBT sahaja yang dibenarkan menggunakan ruang kaki lima mengikut syarat-syarat tertentu yang akan diberi semasa memohon permit berkaitan • Barang jualan yang diletakkan di ruang kaki lima adalah yang sama seperti mana kelulusan yang diberi • Permit tidak boleh dipinda, dipajak, disewa atau dijual kepada orang lain. Sebarang pindaan hendaklah mendapat kebenaran daripada PBT • Pihak PBT tidak menanggung sebarang risiko, kos dan apa-apa tuntutan ganti rugi sekiranya berlaku apa-apa kerosakan, kehilangan,

		<p>kecurian, kemalangan dan seumpama</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tidak dibenarkan menghalang laluan awam seperti tangga atau laluan ketinggian atas premis. Sekurang-kurangnya mestilah mempunyai ruang selebar 4 kaki untuk laluan awam
7.	Permit Meja	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak dibenarkan menghalang laluan awam seperti tangga atau laluan ketinggian atas premis dan halangan lalulintas • Meletakkan di lokasi yang telah dibenarkan sahaja • Mematuhi waktu/ tempoh masa yang dibenarkan sahaja • Memastikan tempoh sah laku permit yang diluluskan

8. KAEDAH PEMBAHARUAN PERMIT :

Pengusaha / peniaga hendaklah memperbaharui Permit Perniagaan dengan cara datang terus ke Kaunter Bahagian Pelesenan Majlis Perbandaran Temerloh dengan membawa Lesen Asal Perniagaan atau Salinan Lesen atau Permit Asal.

9. PIAGAM PELANGGAN

8.1 Tempoh Pemprosesan Permohonan Permit

8.1.1 Tempoh kelulusan Permohonan Permit Perniagaan Sementara Jualan Gudang / Ekspo / Karnival / Promosi/ Bazar Perayaan/ Uptown akan diketahui atau dimaklumkan dalam tempoh masa tiga puluh (30) hari bekerja dari permohonan diterima.

8.1.2 Tempoh kelulusan Permohonan Permit Perniagaan Sementara (Buah Bermusim / Pelbagai / Penjaja Sementara (Makanan Dan Minuman) / Food Truck / Kaki Lima/ Meja) akan diluluskan dalam tempoh masa 30 minit permohonan diterima sekiranya permohonan tersebut mendapat kelulusan daripada Ketua Bahagian Pelesenan.

10. FI LESEN

BIL	PERKARA	FI (RM)	PEMBAYARAN (BAYARAN ADALAH TUNAI / KREDIT KAD DI KAUNTER)
1.	Proses Permohonan	30.00	Semasa membuat permohonan
2.	Permit Penganjur (Jualan Gudang / Ekspo / Karnival / Promosi/ Bazar Perayaan/ Uptown)	a) Kanopi - 20.00 / unit b) Permit Penjaja - 11.00 / hari / penjaja	Selepas Permohonan diluluskan
3.	Permit Jualan sementara (Buah Bermusim / Pelbagai)	15.00 / hari (Tertakluk kepada keluasan petak niaga)	
4.	Permit Penjaja Sementara (Makanan dan Minuman)	1.00 hingga 15.00 / hari (Tertakluk kepada keluasan petak niaga)	
5.	Permit <i>Food Truck</i>	30.00 hingga 50.00 / bulan (Tertakluk kepada jenis kenderaan yang digunakan)	
6.	Permit Kaki Lima	11.00 / hari	
7.	Permit Meja	10.00 / 1 Meja / bulan	

11. KEPUTUSAN PERMOHONAN

OUTPUT	-
Kaedah Penyampaian Keputusan Kepada Pemohon Bagi Permohonan Permit Perniagaan Sementara Jualan Gudang / Ekspo / Karnival / Promosi/ Bazar Perayaan/ Uptown	<ul style="list-style-type: none">• SMS• Surat Kelulusan Permohonan• Telefon

12. PEMBATALAN PERMIT

Pemegang permit adalah dilarang daripada melanggar apa-apa syarat yang telah dikenakan . Sekiranya pemegang permit tidak mematuhi syarat-syarat yang dikenakan maka tindakan pembatalan permit serta merta akan diambil tanpa sebarang notis.

13. PAUTAN BORANG PERMOHONAN :

http://www.mpt.gov.my/sites/default/files/mpt/sumber/muat_turun_borang/bahagian_pelesenan/bless_borang_permit_perniagaan_mpt.pdf